

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
29 JULAI 2022**

---

**1. PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT  
KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2022**

Bersempena Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-73 pada 9 Julai 2022, Tuan Yang Terutama Tun berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri kepada mereka yang telah berjasa kepada Negara / Negeri dalam apa jua lapangan.

Tahniah diucapkan kepada pegawai dan kakitangan MBSP atas kurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas Pengurniaan ini.

	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Jabatan</b>	<b>Pingat</b>
1.	Mohamed Abu Bakar bin Abdullah	Pembantu Tadbir	Pelesenan	Darjah Johan Negeri (DJN)
2.	LAr Shaqhrony bin Md Yusoff @ Jamaludin	Pengarah	Landskap	Pingat Kelakuan Terpuji (PKT)
3.	Ahmad Tarmizi bin Omar	Penolong Pegawai Senibina Kanan	Bangunan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
4.	Mohamad Haniba bin Ibrahim	Pembantu Kesihatan Awam	Perkhidmatan Perbandaran	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
5.	Khairil Anwar bin Othman	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan	Perkhidmatan Kesihatan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
6.	Rohani binti Lebai Hasan	Penolong Pegawai Tadbir	Perkhidmatan Kesihatan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
7.	Zakiah binti Samsudin	Pembantu Tadbir Kanan	Kemasyarakatan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
8.	Masniza binti Noor	Pembantu Tadbir	Khidmat Pengurusan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
9.	Salomi binti Yahaya	Pembantu Tadbir	Undang-Undang	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
10.	Solehah binti Omar	Pembantu Tadbir	Bangunan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
11.	Salasiah binti Md Hassan	Pembantu Tadbir	Perancang Bandar	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
12.	Ahmad Hizamrry bin Osman	Pembantu Tadbir	Kemasyarakatan	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
13.	Mohd Fadzli bin Ahmad	Pembantu Awam	Landskap	Pingat Jasa Masyarakat (PJM)

## **2. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Mohd Jasmi Bin Mohamad Idris telah dilantik menjadi Akauntan Gred WA41 di Jabatan Perbendaharaan, berkuatkuasa 1 Julai 2022. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Dengan Kepujian . Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik - baiknya.

## **3. PELANCARAN KEMPEN *PLANTING HOUR OF SEBERANG PERAI***

Dimaklumkan bahawa MBSP akan melancarkan kempen *Planting Hour Of Seberang Perai* pada 29 Julai 2022 di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP.

MBSP menjemput seluruh penduduk Seberang Perai untuk bersama-sama menanam pokok sempena *Planting Hour Of Seberang Perai* yang akan diadakan serentak pada 24 September 2022 sempena sambutan Hari Bandaraya.

Semasa Majlis tersebut, turut akan dilancarkan poster / risalah berkenaan dengan :-

- a) Aktiviti Dibenarkan Dan Tidak Dibenarkan Di Taman Rekreasi Awam / Kawasan Lapang Majlis Bandaraya Seberang Perai
- b) Berhenti Merosakkan Pokok

- c) Kesalahan Penebangan Pokok Tanpa Kebenaran Atau Kebenaran Majlis
- d) Pokok Yang Tidak Diselenggara oleh Majlis

Poster / risalah ini diterbitkan adalah bagi memberikan pendidikan serta menanamkan sifat cintakan pokok disamping dapat memelihara pokok daripada dirosakkan. Selari juga dengan objektif MBSP dan Kerajaan Negeri untuk mencapai jumlah penanaman pokok sebanyak 600,000 pokok menjelang 2030.

#### **4. KURSUS INDUKSI UNTUK BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB) DAN PERBADANAN PENGURUSAN (MC) BAGI SELURUH SEBERANG PERAI**

Dimaklumkan MBSP akan mengadakan kursus induksi kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC ) bagi seluruh kawasan Seberang Perai. Kursus ini akan diadakan pada 27 ogos 2022 bertempat di Dewan Haji Ahmad Badawi, Butterworth. Kursus ini mensasarkan seramai 150 penyertaan daripada yang terdiri daripada Badan pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dari seluruh kawasan Seberang Perai.

Tujuan kursus induksi diadakan bagi memberi pendedahan tentang pengurusan, tatacara mesyuarat Agong Tahunan dan tugas dan tanggungjawab sebagai JMB dan MC serta keseragaman undang-undang untuk mentadbir dan mewujudkan persekitaran yang selesa serta selamat didiami serta dapat membantu mewujudkan pengurusan yang lebih baik,

keseragaman pematuhan undang-undang dan dasar berkaitan penyenggaraan dan pengurusan berstrata mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Pihak pengurusan yang berminat untuk penyertaan boleh menghubungi Jabatan Pesuruhjaya Bangunan di talian 04-5497498 atau [cob@mbsp.gov.my](mailto:cob@mbsp.gov.my).

## **5. SELAMAT MENYAMBUK HARI KEMERDEKAAN YANG KE-65**

Tema “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini, selari dengan konsep keharmonian keluarga Malaysia. Logo tahun ini berkonsepkan jalur liputan internet melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-65 pada 31 Ogos 2022 (Rabu) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**